

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI UNIT RESIDENSI WANGSAMAS

Kuala Lumpur, 22 September 2019 – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad, telah merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Wangsamam hari ini kepada 441 pemilik.

Ia merupakan salah satu projek rumah mampu milik skim Residensi Wilayah di bawah Pemaju Aset Kayamas Sdn Bhd. dengan syarikat bersekutunya Era Ecoland Sdn Bhd. Residensi Wangsamam ini yang dijual pada harga serendah RM198,000.00 seunit mempunyai sebanyak 441 unit. Setiap unit dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu parkir berbumbung. Pembinaan projek perumahan ini bertujuan untuk merealisasikan impian warga kota yang berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri di Kuala Lumpur.

“Salah satu misi syarikat Aset Kayamas adalah untuk membina rumah pada harga yang mampu dimiliki untuk warga kota khususnya agar dapat meningkatkan kualiti hidup dan menawarkan tempat tinggal yang berdekatan dengan kemudahan-kemudahan untuk kesengangan penduduk. Projek ini telah siap dibina 10 bulan lebih awal dari jangkaan dan dengan ini kami berharap dapat membantu Kerajaan dalam usaha untuk membina lebih banyak rumah Mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah” menurut Pengerusi dan Pengasas Aset Kayamas, Tan Sri Datuk Chai Kin Kong.

Terletak di pinggir kota dengan pelbagai kemudahan berdekatan, penduduk Residensi Wangsamam dapat menikmati suasana selesa dan jauh daripada kesibukan kota, malah tidak perlu berkunjung ke pusat bandar semata-mata untuk membeli barang keperluan. Pusat membeli belah seperti AEON Big Wangsa Maju dan Wangsa Walk merupakan antara lokasi yang boleh menjadi tumpuan penduduk sekitar untuk mengisi masa lapang dengan ahli keluarga atau kawan-kawan pada hujung minggu. Kompleks sukan serta taman rekreasi di kawasan ini juga dapat memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di sekitarnya untuk bersiar-siar dan beriadah di samping menjalankan aktiviti-aktiviti santai.

Kediaman ini juga bersebelahan dengan Stesen LRT Sri Rampai. Selaras dengan hasrat kerajaan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, sebuah jejambatan telah dibina di bawah inisiatif pihak pemaju. Penambahbaikan ini diharapkan dapat menarik minat orang ramai khususnya penduduk sekitar terhadap



ASET KAYAMAS SDN. BHD. (1929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 **F** : +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-A)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

penggunaan LRT. Dari segi keselamatan, ia lebih terjamin kerana penduduk Residensi Wangsamas tidak perlu mengambil risiko melintas jalan atau berkongsi laluan dengan kenderaan lain apabila bergerak ke stesen LRT Sri Rampai.

Di bawah program Residensi Wilayah, setakat masa kini pemaju Aset Kayamas telah pun menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 5,820 unit dengan penyiapan projek Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas, dan Residensi Jalilmas, manakala sebanyak 1,514 unit lagi yang melibatkan pembangunan Residensi Kepongmas dijangka akan diserahkan kunci pada bulan Oktober ini.

Burson Cohn & Wolfe (Media Contact):

Sherlyn Cheah | Sherlyn.Cheah@bcw-global.com | +6011-1122 6856

Sheng Yin Loo | ShengYin.Loo@bcw-global.com | +6012-676 4933

Jacqueline Khoo | Jacqueline.Khoo@bcw-global.com | +6016-453 8183

General email: MYAsetKayamas@bcw-global.com

Residensi Wangsammas Residents Received Keys Witnessed by FT Minister

KUALA LUMPUR, 22 September 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad, Minister of Federal Territories, today stood to ^{witness} 441 owners receiving the keys to their respective units for the newly-built Residensi Wangsammas, at a key handover ceremony organised by developer Aset Kayamas Sdn. Bhd.

Residensi Wangsammas houses 441 units in total and is part of the developer's affordable housing project, built in partnership with its subsidiary company Era Ecoland Sdn. Bhd. Each unit comes with three bedrooms, two bathrooms and one covered parking lot, and is priced at RM198,000.

Tan Sri Chai Kin Kong, Chairman and Founder of Aset Kayamas Sdn. Bhd., said: "Our mission has always been to create homes for the community that are affordable in price, enable their highest standards of living, and give them accessibility to daily conveniences. Today, we are excited to hand over the keys to residents of Residensi Wangsammas 10 months ahead of schedule and hope that in the long run, we can continue to develop more affordable housing for the community, in line with supporting the government in its endeavours for Malaysians with lower incomes to own homes in Kuala Lumpur."

Located on the outskirts of Kuala Lumpur, Residensi Wangsammas enables residents easy access to a multitude of facilities, namely shopping centres in the form of AEON Big Wangsa Maju and Wangsa Walk; a recreational park; and a sports complex. These facilities ensure residents the convenience of shopping for daily needs and spend quality time with their family without having to venture into the hustle and bustle of the city centre.

For transportation, Residensi Wangsammas is situated next to the Sri Rampai LRT station. Adhering to the government's vision to encourage usage of public transportation amongst the community, Aset Kayamas built a pedestrian bridge so that residents can access the station safely without having to cross the main road or be in close proximity with oncoming traffic.



ASET KAYAMAS SDN. BHD. (929423-V)
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
T : +603-7989 9888 F : +603-7972 0888
E : info@asetkayamas.com

Associates / Developers:
FABER VISTA SDN. BHD. (870469-D)
SINERJUTA SDN. BHD. (1013408-T)
ERA ECOLAND SDN. BHD. (1119692-P)
UJANA MUTIARA SDN. BHD. (1126138-A)
GARUDA SEARAH SDN. BHD. (1134692-A)

To date, Aset Kayamas has successfully handed over the keys to 5,820 completed units under the government's 'Residensi Wilayah' programme. These units are Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas and Residensi Jalilmas developments. The developer aims to hand over 1,514 units at Residensi Kepongmas in October 2019.

-END-

About Aset Kayamas (Official to approve)

Aset Kayamas' group of companies was established in 2011 with the primary focus to deliver comfortable homes that are founded on quality and affordability. Its expanding portfolio include luxury residential development projects such as ParkHill in Bukit Jalil, The Henge in Kepong and The Holmes in Bandar Tun Razak. Under the Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) and Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) schemes, Aset Kayamas oversees the development of several affordable housing projects in Klang Valley in collaboration with the Government. The strategic locations and accessibility of all Aset Kayamas projects are matched by its efforts to provide the best amenities and facilities within the developments – key aspects that have contributed to the continued success of the developer's properties among investors and buyers.

Burson Cohn & Wolfe (Media Contact):

Sherlyn Cheah | Sherlyn.Cheah@bcw-global.com | +6011-1122 6856
Sheng Yin Loo | ShengYin.Loo@bcw-global.com | +6012-676 4933
Jacqueline Khoo | Jacqueline.Khoo@bcw-global.com | +6016-453 8183
General email: MYAsetKayamas@bcw-global.com